

# DUCODIN LINCTUS

Pholcodine (5mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ducodin Linctus 5mg/5ml
2. Bagaimana Ducodin Linctus 5mg/5ml berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml
4. Cara menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml
5. Semasa menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ducodin Linctus 5mg/5ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Ducodin Linctus 5mg/5ml

Ducodin Linctus 5mg/5ml digunakan untuk melegakan batuk tidak produktif yang dikaitkan dengan selesema biasa, resdung dan influenza. Sesuai untuk rawatan batuk bagi pesakit kencing manis.

## Bagaimana Ducodin Linctus 5mg/5ml berfungsi

Pholcodine adalah ubat penahan batuk dan mempunyai kesan sedatif ringan yang melegakan kerengsaan setempat pada saluran pernafasan bagi tempoh 8 hingga 10 jam. Pholcodine bertindak terutamanya pada sistem saraf pusat untuk menghasilkan depresi pada refleks batuk melalui tindakan secara langsung pada pusat batuk di dalam medulla (satu bahagian di dalam otak).

Pholcodine mempunyai sedikit atau tiada kesan analgesik (melegakan kesakitan). Ia tidak menyebabkan depresi sistem pernafasan, ransangan sistem saraf pusat, sembelit atau kesan sampingan lain yang berkaitan dengan narkotik. Pholcodine mempunyai kesan selektif di pusat batuk tanpa menjejaskan sistem pernafasan.

## Sebelum menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini sekiranya anda alah kepada pholcodine atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusannya rosak.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

### Mengandung dan menyusukan anak

Pholcodine telah diambil oleh sebilangan besar wanita hamil dan wanita yang boleh hamil tanpa menunjukkan peningkatan dalam kekerapan kecacatan atau kesan-kesan lain yang merbahaya kepada janin secara langsung atau tidak langsung.

Jangan ambil Ducodin Linctus 5mg/5ml jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula mengguna

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda mempunyai risiko mengalami kegagalan pernafasan. Anda perlu berhati-hati jika anda mempunyai sejarah asma dan ia tidak boleh diambil semasa serangan akut.
- anda mengalami fungsi hati terjejas. Dos dan kekerapan mungkin perlu dikurangkan.
- anda mempunyai bronkitis kronik dan bronkiektasis (pembangunan saluran udara paru-paru yang tidak normal). Ubat penahan batuk boleh menyebabkan depresi pernafasan; pernafasan dan menyebabkan pengekalan kahak, yang berbahaya.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan

Penggunaan serentak Ducodin Linctus 5mg/5ml dengan alkohol atau ubat depresi sistem saraf pusat yang lain akan meningkatkan kesan ke atas sistem saraf pusat.

Interaksi lain yang tidak dinyatakan mungkin berlaku. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

## Cara menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml

### - Berapa banyak harus digunakan

#### Dewasa

Oral, 10ml -15ml setiap 8-10 jam.

#### Kanak-kanak 5 hingga 14 tahun

Oral, 5ml -7.5ml setiap 8-10 jam.

#### Kanak-kanak 2 - 5 tahun

Oral, 1ml bagi setiap peringkat umur (2ml = 2 tahun) setiap 8-10 jam

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 2 tahun kecuali atas nasihat doktor.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

# DUCODIN LINCTUS

Pholcodine (5mg/5ml)

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan rasa mengantuk, keresahan, ataksia (kurang kawalan pergerakan badan) dan kemerosotan pernafasan.

**Semasa menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ducodin Linctus 5mg/5ml.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Ducodin Linctus 5mg/5ml walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan ambil dos yang berlebihan seperti mana yang telah disyorkan oleh ahli farmasi atau doktor kepada anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ubat ini membuat anda berasa sakit, pening atau letih, atau memberi anda sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Ducodin Linctus 5mg/5ml boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan lain ketika anda sedang menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan dengan ubat ini termasuk:

- loya atau muntah-muntah
- mengantuk
- keresahan
- keterujaan
- ataksia (kurang kawalan pergerakan badan)
- kemerosotan pernafasan

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor secepat mungkin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers →Reporting).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Ducodin Linctus 5mg/5ml**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Cecair Oren dengan rasa oren.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5 ml mengandungi:  
5mg of Pholcodine

- Bahan tidak aktif

Ethyl Maltol  
Orange Flavour  
Propyl Paraben  
Sorbitol Solution  
Purified Water  
Sodium Citrate  
Citric Acid  
Propylene Glycol  
Sunset Yellow  
Vanillin  
Glycerine  
Methyl Paraben

- Nombor MAL :  
MAL07101251A

**Pengilang**

HOVID Bhd.  
121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

# **DUCODIN LINCTUS**

Pholcodine (5mg/5ml)

---

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

15/10/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)220615/00160